

**KESEDIAAN PEMIMPIN AGAMA MUSLIM DAN  
KRISTIAN DALAM MEMBENTUK  
KEHARMONIAN AGAMA: KEPERLUAN DAN  
LIMITASI**

READINESS OF MUSLIM AND CHRISTIANS LEADERS IN  
FORMING RELIGIOUS HARMONY: NECESSITY AND  
LIMITATION

*Nur Farhana Abdul Rahman\**, *Khadijah Mohd  
Khambali @ Hambali\*\**

\*\*Academy of Islamic Studies. University of Malaya.  
50603. Kuala Lumpur. Malaysia.

Emel: \*hanaalkhafiz@gmail.com

**Khulasah**

Pelaksanaan toleransi agama khususnya dalam hubungan Muslim-Kristian sememangnya telah terlaksana di Malaysia melalui pelbagai cara dan pihak sama ada secara langsung dan tidak langsung. Namun jika diteliti kebanyakan isu besar dalam hubungan Muslim-Kristian masih berstatus belum diselesaikan (*pending*) antaranya disebabkan oleh kekurangan sumber untuk membuat keputusan. Selaras dengan situasi di atas, kajian ini bertujuan menjelaskan fenomena toleransi agama dari sudut kumpulan utama yang bertanggungjawab ke atas agama iaitu wakil pemimpin agama Islam (para mufti) dan wakil pemimpin agama Kristian (para paderi). Pelaksanaan temu bual mendalam (*in-depth interview*) telah dilakukan kepada lima orang wakil pemimpin Muslim dan lima orang wakil pemimpin Kristian. Hasil temu bual telah dianalisis secara tematik menggunakan perisian Atlas Ti. Hasilnya kajian mendapati bahawa fenomena toleransi agama dalam hubungan Muslim dan Kristian tidak menafikan dua perkara utama iaitu (i) pengiktirafan kepelbagaian agama; (ii) kesediaan untuk hidup berharmoni. Dua elemen utama ini seterusnya

membuktikan bahawa toleransi agama dalam hubungan Muslim-Kristian tidak membawa kepada penerimaan pluralisme agama dan tidak melanggar batasan akidah sesuatu agama.

**Kata kunci:** Toleransi beragama, Hubungan Muslim-Kristian, Malaysia, Keanekaan agama, Teologi.

### **Abstract**

Religious tolerance was implemented in Malaysia especially in Muslim-Christian relation in various ways by many parties. However, most of the Muslim-Christian's issues in Malaysia are still pending due to lack of sources in making the decision. Hence, this research is carried out to clarify the phenomenon of religious tolerance from the perspective of Muslim leaders (Mufti) and Christian's representative leader (Pastors). In depth interview has been carried out among five Muslim's representative leaders and five representative Christian's leader. Data from the interviews has been analyzed thematically using Atlas Ti software. The result shows this phenomenon of religious tolerance in Muslim-Christian relation is not denying two things; (i) recognition of religious diversity (ii) willingness to live in harmony. These two main elements then prove that religious tolerance in Muslim-Christian relations have not led to the acceptance of religious pluralism and does not violate the faith of a religion.

**Keywords:** Religious Tolerance, Muslim-Christian Relation, Malaysia, Religious Plurality, Theology.

### **Pendahuluan**

Masyarakat pelbagai kaum menghadapi cabaran untuk memelihara keharmonian dalam hubungan antara satu sama lain. Dalam konteks kepelbagaian kaum di Malaysia, masyarakat sejak asalnya terbahagi mengikut bahasa, budaya dan agama masing-masing, Hubungan kaum yang stabil menjadi satu penanda aras dan kunci utama dalam memastikan kestabilan politik dan ekonomi

negara. Buktinya, Malaysia pernah menghadapi krisis perkauman yang tragis pada tahun 1969 dan hal ini memberi kesan yang besar sehingga memaksa negara dan kerajaan melupakan polisi ekonomi pasaran bebas *laissez fair* yang dibentuk sejak zaman kemerdekaan 1957 bagi menjaga kelestarian hubungan sesama kaum dan pembangunan ekonomi.

Walau bagaimanapun kelestarian ini seringkali tergugat antaranya disebabkan tercetusnya konflik-konflik yang mana tidak boleh tidak ia tetap berkaitan dengan sensitiviti agama. Berdasarkan pertambahan penduduk di Malaysia dari masa ke semasa khususnya sebanyak 28.8 juta penduduk pada tahun 2012 dengan pecahan mengikut agama adalah seperti Islam 60.4%, Buddha 19.3%, Kristian 9.1%, Hindu 6.2%, Taoist 2.9%, Sikh 0.3% dan lain-lain sebanyak 1.8%, tidak dinafikan bahawa isu dan tuntutan dalam kalangan penganut agama semakin berlaku.<sup>1</sup> Menurut Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN),<sup>2</sup> dalam senarai isu keharmonian masyarakat di Malaysia sekitar tahun 2010-2012, isu agama mendapat kedudukan tertinggi berbanding isu-isu keharmonian yang lain.

Antara tuntutan yang sering berlaku adalah isu kalimah Allah, isu rumah ibadat, isu tanah perkuburan, isu khinzir, isu pertukaran agama, isu permintaan Kristian agama rasmi, isu pemeriksaan JAIS di D’Sara Methodist Church (DUMC), isu tuntutan mayat, isu Al-Kitab dan isu Hudud. Sehingga tahun 2013 pula, JPNIN mendapati bahawa isu agama berada di tahap utama ekoran kes kalimah Allah yang masih belum selesai.

Terdapat tiga isu utama yang sentiasa menimbulkan ketegangan semasa antara penganut agama di Malaysia khususnya antara Muslim dan bukan Muslim iaitu

---

<sup>1</sup> Azman Amin bin Hassan, “Isu-Isu Agama di Malaysia” (kertas kerja, Persidangan Meja Bulat Dialog Antara Agama, 24 Mei 2012).

<sup>2</sup> *Ibid.*

ketegangan dari isu kedudukan dan hak penganut bukan Muslim berbanding Muslim, persoalan kekuasaan sekular yang akhirnya membantu golongan fundamentalisme khususnya dalam Islam, dan persoalan kebangkitan kumpulan pemimpin yang akhirnya mencabar kestabilan agama.

Maka, Jabatan Perpaduan Negara telah ditugaskan untuk mengimbangi dan menjadi pendengar serta penyelesaian terhadap tuntutan dan salah faham yang muncul antara kaum dan agama di Malaysia, terutamanya setelah kerajaan memperkenalkan dasar Islamisasi pada tahun 1982. Persediaan untuk menghadapi tuntutan dari isu agama ini telah menjadi satu fokus yang serius sehingga JPNINM bersetuju menubuhkan satu unit hubungan agama pada April 2008 di bawah pemerintahan JPNIN.

Selain itu, terdapat juga usaha lain yang dijalankan antaranya seperti penggubalan garis panduan penubuhan tempat ibadah bagi setiap agama yang ada,<sup>3</sup> dan mewujudkan pengagihan penempatan kediaman yang bersifat adil terhadap pelbagai agama mahupun bangsa yang tidak bersifat perkauman seperti pada zaman awal kemerdekaan. Semua usaha ini disasarkan di bawah satu perjuangan iaitu pemupukan keharmonian agama di Malaysia melalui pelaksanaan toleransi agama.

Malah satu usaha yang lebih jelas dan meluas bagi mempromosikan keharmonian antara umat beragama dilakukan dengan lebih terbuka melalui penubuhan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian di Antara Penganut Agama (JKMPKA) yang telah ditubuhkan pada 24 Februari 2010. JKMPKA ini dianggotai oleh wakil pemimpin agama besar di

---

<sup>3</sup> Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, "Garis Panduan Rumah Ibadah," dicapai pada 15 Oktober 2015, <http://www.townplan.gov.my/>.

Malaysia dan pertubuhan agama bukan kerajaan (NGO) di Malaysia yang terlibat secara langsung dalam aktiviti-aktiviti seperti dialog antara agama, ziarah agama dan semua aktiviti yang menjurus ke arah membina persefahaman antara penganut beragama di Malaysia.

Selain dari usaha pihak kerajaan, tidak dinafikan bahawa usaha pemupukan keharmonian antara agama di Malaysia juga turut disertai oleh golongan akademik IPTA dan IPTS dan NGO Islam yang berpusat di bawah Gabungan Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan (Allied Coordinating Committee of Islamic NGOs (ACCIN))<sup>4</sup> dan NGO bukan Muslim seperti Malaysian Consultive Council of Buddhism, Christianity, Hinduism, Sikhism and Taoism (MCCBHST).<sup>5</sup>

Usaha yang lebih bersifat perbincangan dan akademik telah wujud dalam kalangan para sarjana dan tokoh agama khususnya melalui beberapa pendekatan seperti forum yang menjelaskan kefahaman agama-agama, majlis dialog antara agama atau perbincangan tertutup dalam kalangan pakar agama seperti Muzakarah Pakar-Pakar Agama seperti yang telah dianjurkan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan persidangan meja

---

<sup>4</sup> ACCIN merupakan satu badan induk yang menyatukan NGO-NGO Muslim. Lihat, ACCIN "Mengenai Kami," laman sesawang Allied Coordinating Committee of Islamic NGOs, <https://accinmalaysia.wordpress.com/about/>.

<sup>5</sup> MCCBHST adalah satu badan berwakil yang menyatukan suara dari penganut agama selain Islam. Ia bertujuan menyampaikan suara dari penganut bukan Islam khususnya dalam menyatakan hak mereka. Walaupun wujudnya kontroversi dari tuntutan yang ditimbulkan oleh badan NGO ini, terdapat juga usaha-usaha keharmonian agama yang disertai oleh wakil persatuan ini khususnya melalui penyertaan di dalam Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian di Antara Penganut Agama (JKMPKA) yang ditubuhkan oleh JPNIN Malaysia. Lihat Malaysian Consultive Council of Buddhism, Christianity, Hinduism, Sikhism and Taoism, laman sesawang Harmony Malaysia, <https://harmonymalaysia.wordpress.com/>.

bulat dalam kalangan jawatankuasa agama dan seumpamanya. Pendekatan ini selalunya mendapat sambutan dan berjalan dengan baik mengikut batas yang ditetapkan.

Usaha ini juga boleh dilihat melalui pelaksanaan kursus wajib di institusi pengajian tinggi. Dalam kurikulum pendidikan tinggi, kesedaran terhadap agama-agama mungkin dijadikan satu subjek teras di universiti, namun pengenalan terhadap agama-agama di dalam modul kursus tersebut adalah secara ringkas dan umum. Sebagai contoh, pihak Jabatan Pendidikan Tinggi telah mewajibkan beberapa kursus yang berkaitan dengan hubungan etnik dan agama sebagai kursus wajib. Kursus wajib ini ditawarkan kepada mahasiswa dari semua bidang antaranya seperti kursus hubungan etnik serta kursus tamadun Islam dan Asia Tenggara (TITAS) di semua Institusi Pengajian Tinggi.

Tidak dinafikan, terdapat juga kursus lain yang menjelaskan mengenai agama-agama secara lebih mendalam seperti kursus Pengenalan Agama-Agama, Kajian Perbandingan Agama, Kajian Agama Islam, Kristian, Hindu Buddha dan Sikh, Kajian Agama-Agama Timur serta kajian Psikologi, Sosiologi dan Antropologi Agama. Namun kursus-kursus ini dibuka kepada mahasiswa yang mengambil pengkhususan dalam bidang-bidang tertentu seperti dalam bidang Usuluddin dan modul Kajian Perbandingan Agama.

Meskipun kursus-kursus ini ditawarkan kepada mahasiswa dari bidang lain, kursus ini masih bertaraf kursus pilihan bebas (elektif) iaitu mahasiswa bebas untuk memilih subjek ini atau sebaliknya. Sementara, dalam kurikulum pendidikan sekolah menengah mahupun rendah, subjek pengenalan agama-agama ini tidak dapat dilihat sebagai satu subjek khusus. Hubungan antara penganut agama hanya dijelaskan secara langsung melalui

pendidikan subjek akhlak bagi pelajar Muslim dan moral bagi pelajar beragama selain Islam.

Justeru, beraneka usaha untuk memupuk keharmonian agama telah dijalankan di Malaysia dengan melibatkan pelbagai pihak seperti pihak kerajaan, badan berkanun, badan akademik dan juga NGO. Ini juga menunjukkan bahawa pemupukan keharmonian antara agama dilihat sebagai satu perkara penting dalam memacu kemajuan negara Malaysia. Pun begitu, dalam program perpaduan Malaysia, kekurangan dari usaha ini tetap wujud khususnya yang menyentuh isu antara agama yang merupakan isu yang paling tinggi peratusannya berbanding isu lain.<sup>6</sup>

### **Asas Toleransi Agama dalam Agama-Agama**

Sebagaimana yang telah dinyatakan bahawa pertikaian yang timbul lazimnya akibat daripada permasalahan yang muncul dalam kalangan penganut agama. Konflik antara agama semakin meruncing kerana terdapat sebahagian pihak yang mengambil kesempatan atas konflik agama yang berlaku dengan menawarkan cadangan penyelesaian yang lebih agresif iaitu melalui pengenalan ajaran dan fahaman pluralisme agama.

Melalui pemahaman yang lebih liberal atau bebas, ajaran dan fahaman pluralisme agama merupakan satu fahaman yang membawa penyelesaian penyamarataan agama-agama atau dalam erti kata lain semua agama adalah benar dan sama (kesatuan kebenaran agama). Tawaran penyelesaian dari pluralisme agama seumpama satu penyelesaian yang positif. Namun begitu, pada peringkat teori dan praktikal ia mengundang pelbagai reaksi dari pemikir agama dan para sarjana dan ia bertentangan dengan akidah Islam.

---

<sup>6</sup> En. Zulkifli Hashim (Penolong Pengarah, Unit Perpaduan, Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional Malaysia), dalam temubual dengan penulis, 23 Mei 2013.

Melalui kajian dan penilaian yang dibuat kepada pendukung dan ajaran dalam fahaman ini, ramai para sarjana khususnya agamawan menolak fahaman ini yang dianggap sebagai ancaman kepada pembentukan keharmonian dalam masyarakat beragama kerana usaha melahirkan sebuah agama baru. Fahaman tersebut cuba mengharmonikan antara agama sehingga menafikan perbezaan hakiki yang wujud antara agama. Hal ini ditentang kerana ia melibatkan penafian dan pengubahsuaian ajaran teras dan akidah sesebuah agama. Namun disebabkan tiada penjelasan yang lebih telus kepada masyarakat awam, penawaran pendekatan pluralisme agama akhirnya menjadi salah satu dari konflik agama yang telah timbul di Malaysia.

Keanekaan agama merupakan satu realiti kehidupan yang perlu diakui. Kepelbagaian ini mengandungi tuntutan dan keperluan yang perlu diadili dengan sebaiknya. Pendekatan yang baik akan menghasilkan situasi yang baik dan begitu juga sebaliknya. Justeru, pelbagai kajian yang berkaitan kepelbagaian agama ini telah dilakukan sama ada dari sudut persejarahan, perbandingan atau kajian berdasarkan kes dan konsep tertentu. Hasilnya, istilah dan konsep toleransi agama menjadi tema utama bagi melahirkan nilai positif dari kepelbagaian agama ini.

Menurut Ibrahim Kalin,<sup>7</sup> Berchemen<sup>8</sup> dan William Resier,<sup>9</sup> toleransi bukanlah istilah dari mana-mana agama.

---

<sup>7</sup> Ibrahim Kalin, "Sources of Tolerance and Intolerance in Islam," dalam *Religious Tolerance in World Religions*, ed. Jacob Neuser & Bruce Hilton (Pennsylvania: Templeton Foundation Press, 2008).

<sup>8</sup> Berchemen, Robert M., "Greco Roman Paganism: The Political Foundation of Tolerance in the Greco Roman Period", dalam *Religious Tolerance in World Religions*, ed. Jacob Neuser & Bruce Hilton (Pennsylvania: Templeton Foundation Press, 2008), 60.

<sup>9</sup> William Reiser S.j., "Roman Catholic Understanding of Religious Tolerance in Modern Times: The Second Vatican Council (Vatican II)" dalam *Religious Tolerance in World Religions* ed. Jacob Neuser & Bruce Hilton ( Pennsylvania: Templeton Foundation Press, 2008).



Ini kerana istilah “toleransi” *per se* tidak pernah wujud dalam mana-mana kitab suci secara khusus. Walau bagaimanapun penjelasan toleransi boleh dilihat melalui analisis semantik ke atas elemen yang wujud di dalam perkataan toleransi. Dalam hal ini, toleransi dilihat berasal dari perkataan Latin *tolerare*. Secara literal, kamus menterjemahkan *tolerare* kepada “*to tolerate*” di dalam bahasa Inggeris. Namun menurut Berchmen<sup>10</sup> istilah *tolerare* ini mempunyai maksud yang lebih luas lagi iaitu “*to endure*”.

Merujuk kepada konteks empayar Rom, toleransi dilihat merujuk kepada kepatuhan dan etika (*civic*) seseorang individu atau pun kumpulan kepada pemerintahan dan tuhan-tuhan demi kestabilan negara.<sup>11</sup> Ekoran dari permulaan perkataan toleransi ini dilihat bermula dari perkataan Rom, maka kajian ini melihat konsep-konsep dan pendekatan toleransi yang berlaku semasa pemerintahan Rom. Pemerintahan Rom melaksanakan toleransi di dalam dua perkara iaitu toleransi politik dan toleransi kepada agama atau bangsa asing (selain agama dan bangsa Rom).

Dalam hal ini, panduan asas pemerintahan Rom adalah toleransi diterapkan untuk mengharmonikan politik, kumpulan agama, adat asing kepada *divine numenus* (keamanan Tuhan-Tuhan) dan menjaga kestabilan *pax deurom* (keamanan Rom). Secara ringkasnya, semua agama perlu ditoleransi ke arah dua matlamat utama. Agama yang boleh ditoleransi hanyalah agama yang telah mendapat pengiktirafan sebagai *religious licita* (agama yang dibenarkan). *Religious licita* pula hanya boleh diperolehi apabila adat dan kepercayaan dalam agama tersebut selaras dengan kehendak *pax deurom* dan *divine numenus*.

---

<sup>10</sup> Berchmen, *Greco Roman Paganism*, 61.

<sup>11</sup> *Ibid.*, 61.

Tuntasnya, dalam konteks ini memerihalkan bahawa dalam pemerintahan Rom, toleransi (*tolerare*) digunakan ke atas agama bagi menjaga kestabilan politik. Asas toleransi agama adalah keselarasan dengan agama dan kepercayaan ketuhanan dan prinsip pemerintahan negara Rom. Sebagai contoh, dalam hubungan Yahudi dan Rom, agama Yahudi mendapat pengiktirafan sebagai *religiou licita* semasa pemerintahan Julius Cesar dan dengan pengiktirafan ini masyarakat Yahudi mendapat pelepasan dari cukai dan khidmat ketenteraan. Walaupun penganut Yahudi menentang Rom, namun perjanjian diteruskan atas asas aspek politik yang memperlihatkan bahawa masyarakat Yahudi turut menjaga kestabilan negara Rom.

Walau bagaimanapun pada abad 2, 3 dan 4 Masihi, pengiktirafan kepada Yahudi digugurkan kerana menimbulkan ancaman kepada politik dan *divine numenus* ekoran dari penyebaran 'dakwah'. Masyarakat Yahudi kemudiannya mendapat semula pengiktirafan sebagai *religious licita* selepas para rabbi bersetuju untuk menghentikan ajaran "dakwah" terhadap agama lain.<sup>12</sup> Kes yang sama juga berlaku kepada penganut agama Kristian yang pada asalnya bersama di bawah agama Yahudi. Namun bermula 64M selepas Kristian mengisytiharkan mereka keluar dari *Synagogue* dan menjadi agama baru; pihak pemerintah Rom mulai mengancam penganut Kristian.<sup>13</sup> Keadaan tersebut berlangsung dalam tempoh waktu yang agak lama dan berakhir apabila Raja Constantine (pemerintah Rom) menganut Kristian.

Berdasarkan sejarah toleransi ini, kajian ini merumuskan bahawa toleransi agama yang dipraktikkan oleh Rom mempunyai beberapa aspek iaitu toleransi bermula dari kepelbagaian, namun kepelbagaian ini cuba diharmonikan dengan satu prinsip yang dipegang dalam

---

<sup>12</sup> *Ibid.*, 69-71.

<sup>13</sup> *Ibid.*, 71-72.

sesebuah negara, maka pendekatan kesan dan akibat terhadap toleransi dinilai melalui tahap keselarasan kepelbagaian dengan prinsip asas. Maka keharmonian dari kepelbagaian ini hanya terhasil sekiranya prinsip ini dipatuhi dan jika sebaliknya, kepelbagaian ini akan mendatangkan ketidakharmonian, penindasan atau kesan yang buruk.

Dalam hal ini terdapat batasan dan limitasi yang terbentuk dalam menjalankan toleransi agar prinsip asas dan keharmonian terbentuk. Dalam konteks Rom, keamanan tuhan (*divine numenus*) dan kestabilan politik (*pax dentum*) merupakan prinsip dan penentu kepada limitasi toleransi. Sehubungan itu, agama-agama dan budaya asing yang dapat melaraskan diri dengan dua prinsip tersebut bererti ia mendapat hak untuk ditoleransi dari negara Rom.

Bernchmen<sup>14</sup> menjelaskan bahawa terdapat perbezaan konsep toleransi Rom klasik dan abad moden. Pun begitu, ia tidak menafikan persamaan teori toleransi yang wujud dalam kedua-dua bentuk pemikiran tersebut. Perbezaan yang ketara adalah asas penentu kepada toleransi agama diaplikasikan. Dalam toleransi klasik Rom, toleransi agama berpandukan kepada keamanan tuhan dan kestabilan politik. Manakala dalam toleransi moden, undang-undang dalam toleransi agama bergantung kepada mandat sesebuah negara, kerelaan atau keinginan individu (*will*) dan justifikasi yang rasional. Undang-undang toleransi bersifat lebih relatif dan sukar untuk membina kesatuan bertoleransi. Kesukaran utama adalah membentuk "*will*" individu untuk bertoleransi.

Berdasarkan latar belakang dan perbezaan ini, kajian ini cuba mengenal pasti konsep toleransi agama yang berlaku di Malaysia dengan melihat pengaruh agama, politik dan kerajaan dalam menjelaskan realiti toleransi agama yang berlaku di Malaysia dari zaman ke zaman.

---

<sup>14</sup> *Ibid.*, 81-88.

Menurut *Kamus Dewan*, toleransi dalam istilah bahasa Melayu berasal dari perkataan toleran yang merujuk kepada sikap sedia menghormati atau menerima pendapat orang lain yang berbeza dari pendirian sendiri<sup>15</sup> dan kemudiannya disebut toleransi yang membawa maksud sifat (sikap) toleran; sebagai contoh antara berbagai keturunan penduduk Malaysia bertoleransi mempunyai atau menunjukkan toleransi.<sup>16</sup> Dalam bahasa Arab pula toleransi adalah sinonim dengan istilah *tasāmuḥ* yang bermaksud *ih̥tirām al-ākharīn* iaitu menghormati pandangan orang lain<sup>17</sup>.

Dalam konteks Islam, sumber rujukan utama iaitu al-Quran telah mengupas dan menjelaskan toleransi agama sebagai satu tuntutan dalam agama. Antara firman Allah yang memerihalkannya seperti dalam surah Hud 118-119 yang bermaksud:<sup>18</sup>

Dan kalaulah Tuhanmu (wahai Muhammad) menghendaki, tentulah ia menjadikan umat manusia semuanya menurut agama yang satu. (tetapi ia tidak berbuat demikian) dan kerana itulah mereka terus-menerus berselisihan.

Firman Allah dalam surah al-Ma'idah ayat 48 yang bermaksud:

Dan Kami turunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab (al-Quran) dengan membawa kebenaran, untuk mengesahkan benarnya kitab-kitab suci yang telah

---

<sup>15</sup> *Kamus Dewan Edisi 4* (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 1463.

<sup>16</sup> *Ibid.*

<sup>17</sup> Al-Munazzāmah al-`Arabīyah li al-Tarbiyyah wa al-Thaqāfah wa al-`Ulūm, *Mu'jam al-`Arabī al-Asāsī* (Tunisia: Larus, t.t), 640.

<sup>18</sup> Semua terjemahan ayat al-Quran dalam kajian ini dirujuk kepada Sheikh Abdullah bin Muhammad Basmih, *Tafsir Pimpinan Al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'ān 30 Juzu'* (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri).

diturunkan sebelumnya dan untuk memelihara serta mengawasinya. maka jalankanlah hukum di antara mereka (Ahli Kitab) itu dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah (kepadamu), dan janganlah engkau mengikut kehendak hawa nafsu mereka (dengan menyeleweng) dari apa yang telah datang kepadamu dari kebenaran. Bagi setiap umat yang ada di antara kamu, Kami jadikan (tetapkan) suatu syariat dan jalan agama (yang wajib diikuti oleh masing-masing). Dan sekiranya Allah menghendaki, nescaya Ia menjadikan kamu satu umat (yang bersatu dalam agama yang satu), tetapi Ia hendak menguji kamu (dalam menjalankan) apa yang telah disampaikan kepada kamu. Oleh itu berlumba-lumbalah kamu membuat kebaikan (beriman dan beramal soleh). Kepada Allah jualah tempat kembali kamu semuanya, maka Ia akan memberitahu kamu apa yang kamu berselisihan padanya.

Menurut al-Qaradawi,<sup>19</sup> agama Islam telah menggariskan panduan dan batasan toleransi yang dibenarkan iaitu toleransi melalui sikap tanpa menjejaskan pendirian akidah. Beliau menyatakan bahawa toleransi melalui sikap ini jelas dilihat melalui ayat al-Quran yang menyatakan sikap terhadap tempat ibadat agama lain seperti firman Allah dalam surah al-Hajj ayat 39-40 yang bermaksud:

Diizinkan berperang bagi orang-orang (Islam) yang diperangi (oleh golongan penceroboh), kerana sesungguhnya mereka telah dianiaya; dan sesungguhnya Allah amat berkuasa untuk

---

<sup>19</sup> Yusuf al-Qaradawi, *Golongan Bukan Islam dalam Masyarakat Islam*, terj. Asril Ibrahim (Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1999), 16-17.

menolong mereka (mencapai kemenangan). Iaitu mereka yang diusir dari kampung halamannya dengan tidak berdasarkan sebarang alasan yang benar, (mereka diusir) semata-mata kerana mereka berkata: "Tuhan Kami ialah Allah". Dan kalaulah Allah tidak mendorong setengah manusia menentang pencerobohan setengahnya yang lain, nescaya runtuhlah tempat-tempat pertapaan serta gereja-gereja (kaum Nasrani), dan tempat-tempat sembahyang (kaum Yahudi), dan juga masjid-masjid (masyarakat Muslim) yang sentiasa disebut nama Allah banyak-banyak padanya dan Sesungguhnya Allah akan menolong sesiapa yang menolong agamanya (agama Islam); Sesungguhnya Allah Maha Kuat, lagi Maha Kuasa.

Pada ayat di atas, Muslim seperti yang ditegaskan mestilah berjuang untuk mempertahankan masjid, biara, gereja dan tempat sembahyang agama lain. Malah al-Qaradawi turut menegaskan bahawa Saidina `Umar r.a pernah menulis suatu perjanjian dengan masyarakat Nasrani di Baitul Maqdis. Antara kandungannya ialah:<sup>20</sup>

Inilah jaminan yang diberikan oleh Amir al-Mukminin `Umar bin al-Khaṭṭāb kepada penduduk bandar Aelia. `Umar menjamin keamanan bagi nyawa, harta benda, gereja, salib, serta seluruh syiar agama mereka. Tidak akan ada sesiapaupun yang akan menempati gereja-gereja mereka apatah lagi meruntuhkannya...

Terdapat ayat al-Quran yang menggambarkan larangan mencaci agama atau sesuatu yang menjadi

---

<sup>20</sup> *Ibid.*, 16-17.

sembahan agama lain seperti firman Allah dalam surah al-An'am ayat 108 yang bermaksud:

Dan janganlah kamu cerca benda-benda yang mereka sembah yang lain dari Allah kerana mereka kelak, akan mencerca Allah secara melampaui batas dengan ketiadaan pengetahuan. Demikianlah Kami memperelokkan pada pandangan tiap-tiap umat akan amal perbuatan mereka, kemudian kepada Tuhan merekalah tempat kembali mereka, lalu Ia menerangkan kepada mereka apa yang mereka telah lakukan.

Menurut Hamka, ayat ini merupakan ayat larangan dari memaki atau menghina sembah masyarakat Jahiliah kerana perbuatan ini akan mengundang provokasi dari pihak yang dihina. Apa yang wajar dilakukan adalah bukan menghina tuhan yang disembah tetapi menghina keburukan menyembah berhala dengan alasan yang logik.<sup>21</sup>

Selain penegasan dari al-Quran, toleransi agama merupakan tuntutan yang diserlahkan dalam garis panduan utama yang telah digubal oleh Nabi Muhammad SAW dalam pembentukan Piagam Madinah. Fokus utama dalam Piagam Madinah adalah bertindak untuk menjelaskan hak-hak Muslim dan bukan Muslim yang hidup dalam satu negara yang sama. Dalam kajian ini, Piagam Madinah menjadi modul utama kepada pengkaji dalam menjelaskan panduan terbaik dalam membentuk toleransi agama di Malaysia. Malah terdapat sarjana yang menyatakan toleransi agama di Malaysia akan menjadi lebih sempurna sekiranya Piagam Madinah ini diasimilasikan sepenuhnya di Malaysia.

---

<sup>21</sup> Hamka, *Tafsir al-Azhar*, j.7 (Jakarta: Pustaka Panji Mas, 1983), 304-305.

Hal ini telah dijelaskan oleh Ibrahim Che Noh<sup>22</sup> melalui kajiannya yang menekankan bahawa terdapat ruang yang tidak jelas dalam perlembagaan dan undang-undang di Malaysia khususnya dalam konteks pelaksanaan dasar Piagam Madinah dalam pembentukan perpaduan kaum. Kajian yang berbentuk perbandingan antara Piagam Madinah dan Perlembagaan serta Rukun Negara Malaysia menghasilkan satu pandangan bagi penambahbaikan pendekatan membentuk perpaduan kaum di Malaysia.

Dalam konteks Kristian, melalui penjelasan informan Kristian Malaysia, tuntutan dan konsep toleransi adalah berasaskan kepada pelaksanaan konsep kasih sayang (*love*). Perihal ini terungkap dalam pernyataan:

*But when the Pharisees heard that He had silenced the Sadducees, they gathered together. Then one of them, a lawyer, asked Him a question, testing Him, and saying, "Teacher, which is the great commandment in the law?" Jesus said to him, "You shall love the Lord your God with all your heart, with all your soul, and with all your mind. This is the first and great commandment. And the second is like it: 'You shall love your neighbor as yourself.' On these two commandments hang all the Law and the Prophets."*<sup>23</sup>

Maksudnya: Masyarakat Farisi mendengar bahawa Jesus membuat masyarakat Saduki tidak boleh berkata apa-apa lagi. Maka mereka

---

<sup>22</sup> Ibrahim Che Noh, "Pembentukan Perpaduan Masyarakat Malaysia melalui Piagam Madinah dan al-Quran dan Sunah" (Tesis Sarjana Pengajian Islam, Jabatan al-Quran dan Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001).

<sup>23</sup> International Bible Society, *The Holy Bible New International Version Containing The Old Testament and The New Testament; Gospel Matthew 22: 34-40*. Lihat juga: *Gospel Mark 12: 28-34; Gospel Luke 10: 25-28* (Grand Rapids, Michigan: The Zondervan Corporation, 2009), 565-566; 580; 593.



berkumpul, lalu datang kepada Yesus. Kemudian, satu dari mereka, seorang ahli Hukum Taurat, bertanya kepada Yesus untuk menguji-Nya, "Wahai Guru, perintah manakah yang paling utama dalam Kitab Suci Taurat?" Sabda Yesus kepadanya, "Kasihilah Allah, Tuhan mu, dengan segenap hati mu, dengan segenap jiwa mu, dan dengan segenap akal budi mu. Itulah perintah yang terutama dan yang pertama. Sedangkan perintah yang kedua, yang sama dengan itu, 'Kasihilah sesama mu manusia seperti diri mu sendiri.' Pada kedua perintah inilah terhimpun segenap isi Kitab Suci Taurat dan juga semua wahyu Allah yang dituliskan oleh para nabi".

Melalui pernyataan tersebut, konsep *love* atau kasih dijelaskan sebagai satu tugas utama agama Kristian. Kasih dalam pernyataan tersebut menjurus kepada dua perkara iaitu kasih kepada tuhan dan kasih sesama manusia. Kasih kepada tuhan diserlahkan melalui penyaliban Yesus yang membawa maksud bahawa tuhan memadamkan api permusuhan dengan menggantikan kepada kasih sayang. Kasih Tuhan kepada manusia dan manusia kepada Tuhan sangat erat sehingga sukar untuk dipisahkan. Yesus menerima dan menegaskan agar manusia memilih untuk mengasihi tuhan dan dirinya.

Selain dari kasih kepada Tuhan ia turut menjelaskan konsep kasih sesama manusia. Hampir semua informan Kristian Malaysia meletakkan konsep kasih sesama manusia ini menjadi asas toleransi dan pelaksanaan untuk hidup harmoni bersama penganut agama lain. Yesus telah memperluaskan kasih sesama manusia ini dengan dua perkara:

(a) Yesus mempertahankan bahawa perintah untuk kasih sesama manusia tidak mempunyai batasan. Ajaran ini jelas dalam pernyataan berikut:

*But they said to him, "Sir, he has ten minas already!". "I tell you that everyone who has will be given more, 73 but from the one who does not have, even what he has will be taken away.. But as for these enemies of mine who did not want me to be their king, bring them here and slaughter them in front of me!"<sup>24</sup>*

Maksudnya: Kata mereka kepadanya: "Tuan, ia sudah mempunyai sepuluh mina." Jawabnya: "Aku berkata kepada mu: Setiap orang yang mempunyai, kepadanya akan diberi, tetapi siapa yang tidak mempunyai, daripadanya akan diambil, juga apa yang ada padanya. Akan tetapi semua musuh ku ini, yang tidak suka aku menjadi rajanya, bawalah mereka ke mari dan bunuhlah mereka di depan mata ku."

*You shall not take vengeance, nor bear any grudge against the children of your people, but you shall love your neighbour as yourself: I am the LORD.<sup>25</sup>*

Maksud: Janganlah engkau menuntut balas, dan janganlah menaruh dendam terhadap individu-individu sebangsa mu, melainkan kasihilah sesama manusia seperti dirimu sendiri; Akulah Tuhan.

(b) Yesus mengajar mencintai manusia dengan lebih luas sehingga merangkumi mencintai musuh dan penganiaya.

*But I say to you, love your enemies, bless those who curse you, do good to those who hate you,*

---

<sup>24</sup> *Gospel Luke 19:25-27, 600.*

<sup>25</sup> *Gospel Leviticus 19:18, 67.*

*and pray for those who spitefully use you and persecute you.*<sup>26</sup>

Maksud: Tetapi Aku berkata kepadamu, kasihilah mereka yang menyeterui kamu dan doakanlah orang-orang yang menganiaya kamu.

Penyataan yang mengukuhkan lagi adalah seperti berikut:

*But I say to you who hear: Love your enemies, do good to those who hate you.*<sup>27</sup>

Maksud: Tetapi kepada kamu yang mendengarkan kata-kata-Ku, Aku berkata: kasihilah orang yang menyeterui kamu dan berbuat lah baik kepada orang yang membenci kamu.

Penjelasan konsep kasih di atas jelas menunjukkan bahawa toleransi agama berupaya dilaksanakan malah dituntut dalam ajaran Kristian. Namun begitu, wujudnya batasan dalam toleransi. Secara umumnya, batasan toleransi adalah tidak melebihi kasih kepada tuhan. Dalam erti kata lain, dalam ajaran Kristian, toleransi atau kasih sesama manusia perlu dilaksanakan selagi mana tidak melanggar konsep kasih kepada tuhan. Menurut Gospel Mathew:

*No man can serve two masters: for either he will hate the one, and love the other; or else he will hold to the one, and despise the other. Ye cannot serve God and mammon. Therefore, I say unto you, take no thought for your life, what ye shall eat, or what ye shall drink; nor yet for your body, what ye shall put on. Is not the life more than meat, and the body than raiment? Behold the fowls of the air: for they*

---

<sup>26</sup> Gospel Matthew 5:44, 554.

<sup>27</sup> Gospel Luke 6:27, 589.

*sow not, neither do they reap, nor gather into barns; yet your heavenly Father feed them. Are ye not much better than they? Which of you by taking thought can add one cubit unto his stature? And why take ye thought for raiment? Consider the lilies of the field, how they grow; they toil not, neither do they spin: And yet I say unto you, that even Solomon in all his glory was not arrayed like one of these. Wherefore, if God so clothe the grass of the field, which today is, and tomorrow is cast into the oven, [shall he] not much more [clothe] you, O ye of little faith?*<sup>28</sup>

Maksud: Tak seorang pun dapat mengabdikan kepada dua tuan. Jika demikian, ia akan membenci yang seorang dan mengasihi yang lain, atau ia akan setia kepada yang seorang dan tidak mengindahkan yang lain. Kamu tidak dapat mengabdikan kepada Tuhan dan kepada Mammon. Kerana itu Aku berkata kepada mu: Janganlah khawatir akan hidupmu, akan apa yang hendak kamu makan atau minum, dan janganlah khawatir pula akan tubuhmu, akan apa yang hendak kamu pakai. Bukankah hidup itu lebih penting daripada makanan dan tubuh itu lebih penting daripada pakaian? Pandanglah burung-burung di langit, yang tidak menabur dan tidak menuai dan tidak mengumpulkan bekal dalam lumbung, namun diberi makan oleh Bapamu yang di syurga. Bukankah kamu jauh melebihi burung-burung itu? Siapakah di antara kamu yang kerana kekuatirannya dapat menambahkan sehasta saja pada jalan hidupnya? Dan mengapa kamu khawatir akan

---

<sup>28</sup> *Gospel Matthew 6:24-29*, 554.

pakaian? Perhatikanlah bunga bakung di ladang, yang tumbuh tanpa bekerja dan tanpa memintal, namun Aku berkata kepadamu: Salomo dalam segala kemegahannya pun tidak berpakaian seindah salah satu dari bunga itu. Jadi jika demikian Allah mendandani rumput di ladang, yang hari ini ada dan besok dibuang ke dalam api, tidakkah Ia akan terlebih lagi mendandani kamu, hai orang yang kurang percaya?

Malah, limitasi toleransi juga dilihat dari pernyataan-pernyataan berikut:

*He that love the father or mother more than me is not worthy of me: and he that love the son or daughter more than me is not worthy of me.*<sup>29</sup>

Maksud: Barang siapa lebih mengasihi ayahnya atau ibunya daripada Aku, ia tidak layak bagi-Ku. Demikian pula orang yang lebih mengasihi anaknya laki-laki atau anaknya perempuan daripada Aku, ia tidak layak bagi-Ku.

*But woe to you Pharisees! For you tithes mint and rue and all manner of herbs, and pass by justice and the love of God. These you ought to have done, without leaving the others undone.*<sup>30</sup>

Maksud: Akan tetapi, celakalah kamu, hai masyarakat dari mazhab Farisi! Kamu membayar kepada Allah sepersepuluh dari selasih, inggu, serta segala jenis sayuran, tetapi keadilan dan kasih akan Allah tidak kamu hiraukan sama sekali. Perkara itu memang

---

<sup>29</sup> *Gospel Matthew* 10: 37, 557.

<sup>30</sup> *Gospel Luke* 11:42, 594.

patut kamu kerjakan, tetapi yang lainnya jangan sampai dilalaikan.

Penjelasan di atas memperlihatkan bahawa toleransi tidak sewajarnya membatasi hubungan manusia dengan Tuhan. Atau dalam erti kata lain, hubungan dengan Tuhan lebih utama dari hubungan sesama manusia. Selain agama Islam dan Kristian, tidak dinafikan bahawa penjelasan toleransi agama ini turut dirujuk dalam perbincangan agama-agama lain. Sebagai contoh, bagi agama Buddha, toleransi diistilahkan sebagai *Dharma Data* atau *Anacha*. Toleransi dan Buddhism sukar untuk dinafikan kerana ajaran-ajaran asas agama ini berlandaskan *sila* (akhlak) dan moral yang baik.

Justeru, bagi mencapai konteks *nirvana* yang sempurna, setiap etika dan moral yang baik termasuk bertoleransi perlu dilakukan dengan sempurna selaras dengan tuntutan ajaran Buddha melalui Ajaran Lapan Lapis Mulia khususnya ajaran benar dalam perbuatan bagi mengelakkan berlakunya pengulangan kehidupan dalam keadaan yang tidak baik.<sup>31</sup>

Bagi agama Sikh, perbuatan membenci manusia namun menyembah tuhan dianggap satu perbuatan yang bercanggah kerana agama tersebut mengajar bahawa mengenali tuhan adalah melalui hubungan sesama makhluk. Sikh mentakrifkan tuhan sebagai cinta, tetapi cinta yang tidak hanya terhad untuk Sikh, bahkan untuk penganut lain seperti Muslim, Hindu, Yahudi, Kristian dan sebagainya. Terdapat tiga ajaran asas dalam Sikh iaitu mendapat kehidupan yang jujur, berkongsi ganjaran hidup

---

<sup>31</sup> Jayatillake K.N, "The Buddhist Attitude to Other Religions," laman sesawang [Buddhanet.net](http://www.buddhanet.net), dicapai 12 Mei 2013, <http://www.buddhanet.net/e-learning/dharmadata/fdd50.htm>.

dengan manusia lain dan melakukan kedua-dua prinsip tersebut dalam setiap saat kehidupan tanpa batasan.<sup>32</sup>

Selaras dengan ajaran ini, toleransi terhadap agama lain sememangnya dituntut dan ia bermula dari komitmen penganut agama Sikh seperti yang sering ditulis dalam kitab ajaran Sikh; Tuhan adalah satu, atau hanya ada satu Tuhan, tidak ada Tuhan Hindu, Tuhan Islam, Tuhan Kristian, atau mana-mana tuhan, tetapi hanyalah wujud satu Tuhan. Toleransi antara agama yang berbeza hanya dapat lahir daripada pemahaman asas yang dimiliki bersama.

Menurut ajaran Sikh, nilai-nilai sepunya yang dimiliki oleh setiap agama ini menggambarkan pemaknaan toleransi antara umat beragama. Menurut Singh, perihal ini turut diperlihatkan oleh Jesus yang menegaskan bahawa: "Hanya ada satu Tuhan Bapa kepada semua dan kita semua anak-anaknya."<sup>33</sup> Perihal yang sama turut dilantunkan oleh Guru Nanak, "Di sana tiada Hindu dan tiada Muslim, jadi jalan manakah yang patut saya pilih? Saya hanyalah pilih untuk mengikuti jalan Tuhan." Ungkapan ini menjelaskan mengenai pegangan Guru Nanak yang menyatakan bahawa kebenaran tuhan itu terkehadapan dari mana-mana anutan agama dan ia lebih baik dari menyalahkan Hindu mahupun Muslim.<sup>34</sup>

Pada aspek agama Hindu pula, Jayaram<sup>35</sup> serta Morgan dan Lawton<sup>36</sup> menjelaskan bahawa kepelbagaian

---

<sup>32</sup> I. J. Singh, "Tolerance in Religion: How Sikhism Views Other Religions," laman sesawang Sikhreview, dicapai 13 Mei 2013, <http://www.sikhreview.org/pdf/december2003/pdf-files/pers1.pdf>.

<sup>33</sup> Ibid.

<sup>34</sup> Nessbit, E., "Sikhism," dalam *Ethical Issues in Six Religious Traditions*, ed. Morgan, P & Lawton, C. A, ed. 2, (Edinburgh: Edinburgh University Press Ltd, 2007), 147-149.

<sup>35</sup> Jayaram, V., "Hinduism and Religion Tolerance," laman sesawang Hinduweb, dicapai 15 Mei 2013, [http://www.hinduwebsite.com/hinduism/h\\_tolerance.asp](http://www.hinduwebsite.com/hinduism/h_tolerance.asp).

sememangnya menjadi lumrah dalam agama tersebut. Ketiadaan pengasas yang khusus dan mempunyai kepercayaan Trimurti dalam ketuhanan membuktikan kesediaan Hindu dalam menerima kepelbagaian. Bagi penganut ajaran Hindu, agama yang dibukukan adalah milik individu. Penganut agama ini boleh mengambil apa yang baik dari agama lain sama ada Buddha, Islam, Kristian dan seumpamanya untuk dijadikan kepercayaan bersama dengan agama Hindu.

Berdasarkan penjelasan di atas, penulis mendapati bahawa wujudnya elemen dan penjelasan toleransi agama dalam agama Islam dan Kristian secara khusus dan juga agama-agama lain seperti Hindu, Buddha dan Sikh amnya. Justeru, kajian lanjutan perlu dilakukan bagi mengenal pasti fenomena asas toleransi agama dalam hubungan Muslim Kristian khususnya bagi membentuk panduan toleransi agama di Malaysia.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini merupakan sebuah kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk fenomenologi dalam menjelaskan fenomena toleransi agama dalam hubungan Muslim Kristian Malaysia. Kajian ini melalui tiga fasa pengurusan data iaitu:

i. Pembentukan data

Menurut Hart,<sup>37</sup> terdapat dua perbezaan utama dalam pembentukan data iaitu secara induktif dan secara deduktif seperti yang dijelaskan dalam jadual di bawah:

---

<sup>36</sup> Menski. W , "Hinduism," dalam *Ethical Issues in Six Religious Traditions*, ed. Morgan. P & Lawton, C. A, ed. 2, (Edinburgh: Edinburgh University Press Ltd, 2007), 43-45.

<sup>37</sup> Hart, C, *Doing a literature Review the Social Science Research Imagination*. (London: SAGE Publication, 1998).



**Jadual 1.1:** Perbandingan Pendekatan Pembentukan Data  
 Induktif-Deduktif

<b>Deductive Process for research</b>	<b>Inductive Process for research</b>
The Researcher test a theory ↓	The Researcher gathers information and data. ↓
Hypotheses or research questions are derived from the theory ↓	Questions are asked about the phenomenon. ↓
Concepts and variables are operationalized ↓	The Data is classified and placed into categories. ↓
An Instrument is used to measure the variables in the theory ↓	Patterns are looked for in the data and potential theories and hypotheses. ↓
Verification of Hypothesis	Theories are tested and developed and patterns compared with other pattern and theories.

Sumber: Hart, C., *Doing a Literature Review the Social Science Research Imagination* (London: SAGE Publication, 1998).

Berdasarkan perbandingan dalam jadual di atas, jelas bahawa kaedah pembentukan data secara deduktif merupakan satu kaedah yang dibentuk berasaskan sebuah teori. Manakala pembentukan data secara induktif pula menghasilkan data yang akan membentuk sebuah teori dan konsep. Kajian ini merupakan satu kajian yang menggunakan pendekatan secara induktif. Ini kerana, data-data yang terhasil kemudiannya akan membantu kepada penjelasan konsep toleransi agama dalam hubungan Muslim dan Kristian di Malaysia dan sekali gus

menjelaskan teori bagi memahami pendekatan toleransi agama di Malaysia.

## ii. Pengumpulan Data

Secara umumnya, data kajian ini diperolehi dari sumber utama (*primary sources*) daripada metode temu bual secara mendalam (*in-depth interview*) Kaedah temu bual merupakan satu kaedah utama yang digunakan dalam melaksanakan satu kajian bersifat kualitatif. Patton<sup>38</sup> menyatakan terdapat tiga jenis teknik temu bual iaitu temu bual formal, temu bual tidak formal dan temu bual terbuka. Manakala Merriem<sup>39</sup> pula menamakan tiga teknik ini sebagai temu bual berstruktur, temu bual separa berstruktur dan temu bual tidak berstruktur.

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan temu bual separa berstruktur sebagai asas kepada proses temu bual secara mendalam (*in depth interview*). Ini kerana, menurut Merriem, penggunaan temu bual ini bersifat lebih fleksibel dan ini membenarkan informan menghuraikan apa yang difikirkannya kepada penyelidik khususnya dalam soalan bagi mendapatkan maklumat toleransi di Malaysia.

Pensampelan yang digunakan adalah *Purposive Sampling* yang mana wakil pemimpin agama dilihat antara sumber utama yang mengajar, mengetahui dan menjadi tempat rujukan bagi memahami keperluan dan batasan dalam toleransi agama menurut agama masing-masing. Temu bual separa berstruktur digunakan bagi mendapatkan maklumat berkaitan pandangan terhadap realiti agama dan keperluan toleransi agama di Malaysia.

Seramai sepuluh orang wakil agama Islam dan Kristian yang terlibat sebagai informan kajian ini telah dipilih untuk tujuan kajian. Wakil pemimpin agama Islam yang dipilih terdiri dari wakil pemimpin agama Sabah,

---

<sup>38</sup> Patton, M. Q., *Qualitative Evaluation and Research Methods* (London: SAGE Publications, 1990).

<sup>39</sup> Merriem, S. B. , *Qualitative Research and Case Study Application in Education*, 2ed (San Francisco: Jossey Bass, 1998).

Pulau Pinang, Melaka, Selangor, Majlis Fatwa Kebangsaan. Manakala wakil pemimpin agama Kristian dipilih mengikut cadangan dari Christian Federation Malaysia. Bagi Kristian Katolik, responden kajian dipilih dari ahli Jawatankuasa Tertinggi Gereja Katolik, Malaysia manakala bagi Protestan, kajian merujuk kepada seminari teologi di semenanjung Malaysia yang mewakilkan paderi dari pelbagai denominasi seperti Lutheran, Anglikan dan Methodist. Sementara bagi Sabah, kajian merujuk kepada paderi yang berkhidmat di dalam denominasi Sidang Injil Borneo.

Dalam kajian ini, setiap sesi temu bual secara mendalam (*in-depth interview*) telah mengambil masa selama 1 jam sehingga 1 jam 30 minit bagi setiap responden atau informan yang terpilih. Setiap informan yang terlibat dalam kajian ini diberi taklimat ringkas berkaitan kajian yang dilakukan di awal sesi temu bual. Para responden turut diberi jaminan bahawa nama mereka tidak akan dinyatakan semasa laporan kajian dikemukakan. Penyelidikan bertujuan untuk memberi maklumat yang berkualiti kepada pihak berkenaan/berkepentingan terhadap keperluan panduan toleransi agama di Malaysia.

Informan juga diberi penghargaan terhadap kesediaan memberi maklumat dan sumbangan mereka dalam penyelidikan. Data dari sesi temu bual ini akan dianalisis untuk mendapatkan persepsi mereka terhadap fenomena toleransi agama di Malaysia.

### iii. Pentafsiran Data

Sebagai sebuah kajian yang berasaskan falsafah *social constructionism*, yang memberi sumbangan ilmu (epistemologi) melalui penjelasan terhadap sesuatu fenomena, bersifat idealisme dari sudut antologi dan merupakan satu kajian yang bersifat bias dalam pentafsiran (*value laden*) kepada pengkaji, sewajarnya komponen-komponen ini disampaikan dalam bentuk

penerokaan (*exploratory*). Pembentukan data secara induktif dan penilaian data bagi membentuk konsep dan teori secara semula jadi memerlukan tugas penerokaan oleh pengkaji ke atas data yang diperolehi. Walau bagaimanapun, pada sebahagian tempat khususnya dari data tinjauan literatur, kajian ini turut bersifat penjelasan (*explanatory*) berdasarkan sorotan literatur yang dilakukan.

Berdasarkan pendekatan induktif, *exploratory* dan *explanatory*, kajian mendapati kesesuaian penggunaan kaedah kualitatif yang melibatkan dua reka bentuk kajian iaitu fenomenologi dan kajian kes yang akan dibincangkan dalam perbincangan berikut.

### **Hasil dan Perbincangan Kajian**

Kajian merumuskan dapatan kajian kepada tiga tema perbincangan iaitu penerimaan toleransi agama, kesediaan untuk hidup harmoni dalam kepelbagaian agama dan keperluan panduan limitasi dalam pelaksanaan toleransi agama. Ketiga-tiga tema ini bertujuan untuk menjelaskan fenomena toleransi agama dalam hubungan Muslim-Kristian Malaysia.


#### **i. Penerimaan istilah toleransi agama**

Kajian merujuk kepada soalan berkaitan definisi toleransi agama menurut wakil pemimpin agama Islam dan Kristian di Malaysia. Melalui temu bual yang telah dijalankan, kajian mendapati bahawa wakil pemimpin agama Muslim dan Kristian mempunyai pandangan yang berbeza berkaitan istilah toleransi yang digunakan dalam agama.

Wakil pemimpin agama Muslim dilihat bersifat positif dalam hal ini. Ini kerana secara istilahnya mereka melihat toleransi ini membawa maksud yang sama dengan istilah *tasāmuḥ* dalam bahasa Arab dengan makna yang ringkas "*iḥtirām al-ākharīn*". Dalam masa yang sama mereka juga bersetuju dengan definisi toleransi yang digunakan dalam *Kamus Dewan* selagi mana tidak melanggar limitasi yang ditetapkan oleh Islam. Malah

secara konsepnya, perkataan toleransi ini dilihat memberi penekanan untuk berbuat kebaikan, melaksanakan sikap hormat, memberi layanan yang baik dan bukti penegasan wujudnya perbezaan agama kerana majoriti pemimpin Muslim berpegang kepada ayat dalam firman Allah “*Lakum dīnukum waliyadīn*” sebagai bukti wujudnya perbezaan dan batasan dalam toleransi. Hal ini dijelaskan dalam jadual di bawah:

**Rajah 1:** *Network View* pandangan informan Muslim terhadap keharmonian dalam kepelbagaian agama



Sumber: Analisis Data Temu bual

Dalam konteks Kristian, semua informan Kristian menjelaskan bahawa istilah toleransi dilihat sebagai satu istilah yang membawa konotasi negatif dalam membina hubungan Muslim dan Kristian Malaysia. Mereka berpendapat toleransi tidak mencukupi dan hanya langkah asas dalam hubungan harmoni. Sedangkan dalam konteks Malaysia ini, hubungan Muslim Kristian memerlukan pelaksanaan yang lebih dari toleransi. Ini mengembangkan lagi perbincangan tanggapan awal yang menjelaskan

bahawa toleransi agama dilihat negatif disebabkan pemerintahan Rom pada masa tersebut, namun hal ini dilihat mempengaruhi pendirian wakil pemimpin Kristian di Malaysia.

Antara istilah yang dilihat perlu digunakan dalam hubungan Muslim Kristian adalah hormat (*respect*), meraikan (*celebrate*) malah ada yang mencadangkan menerima (*acceptance*). Namun, istilah *accept* ini tidak dipersetujui oleh beberapa informan Kristian lain kerana dalam toleransi ini perlu wujudnya batasan terutamanya dalam hal teologi. Dalam erti kata lain, informan Kristian juga bersetuju bahawa toleransi agama tidak boleh melangkaui hal teologi. Justeru, mereka mencadangkan beberapa istilah lain untuk digunakan iaitu penerimaan dan meraikan agama-agama.

ii. Kesediaan Keharmonian Agama menurut Pemimpin Agama Islam dan Kristian Malaysia.

Kajian mendapati bahawa dalam tema ini, informan Muslim dan Kristian bersetuju bahawa keharmonian boleh dilaksanakan dan perlu dilaksanakan di sebalik kepelbagaian agama. Antara asas yang berupaya membentuk keharmonian adalah melalui pelaksanaan ajaran baik yang telah diajar oleh agama masing-masing seperti hormat, kasih sayang (*love*), kerjasama dan jujur tanpa menafikan batasan agama. Antara batasan utama adalah keharmonian boleh tercapai dalam kalangan penganut agama dan bukannya dalam doktrin dan teologi agama. Penjelasan hal ini dapat dilihat seperti dalam rajah di bawah.

**Jadual 2:** Pandangan Informan Muslim untuk hidup harmoni dalam kepelbagaian agama di Malaysia.

<b>Isu</b>	<b>Tema</b>	<b>Huraian</b>	<b>Kod Informan</b>
Meraikan kepelbagaian dengan mencari keharmonian di kalangan penganut agama	Mencari keharmonian antara penganut agama	Kita nak cari keharmonian antara penganut agama. Bukan agama.	M1
	Mencari kebaikan bersama	Selalunya nak menceritakan tentang kebaikan, nak menjauhkan dari perkara-perkara mafsadah.	M2
	Melaksanakan tuntutan agama	Umumnya, dari segi saling membantu antara Islam dengan bukan Islam adalah perlu dan bagi kita ia tarikan dakwah.	M3
	Keseimbangan dalam kepelbagaian.	Perkara ini perlu seimbang antara dua perkara. Pertamanya, usaha untuk menjelaskan kefahaman Islam dan kedua ianya perlu ada keterbukaan.	M4
Cara memupuk keharmonian	Kerjasama & tolak ansur	Untuk harmoni dirikan kerjasama, buat kerja amal sama, kerja gotong-royong sama, itu boleh datangkan	M1.M5

		harmoni.	
		Kalau orang lain tak nak bertolak ansur langsung. Kita sahaja nak bertolak ansur. Jadi macam mana nak selesai.	M2
		Jika untuk pendekatan agama bagi melahirkan keharmonian, dapat kita buat secara praktikal, keterbukaan, membersihkan tanggapan dan kerjasama antara agama.	M4
		Kita boleh panggil untuk membuat kerjasama seperti gotong-royong di sekolah	M4.M5
	Hormat-menghormati	Dia, hormat-menghormati ini untuk kita melahirkan satu perasaan hormat-menghormati itu tidak menyentuh sensitiviti mana-mana pihak walaupun dalam perkara kecil.	M1
		Kita lihat nabi pun, apabila orang Yahudi mati dan jenazah dia lalu, nabi bangun.	M1



		Bukan dilempar najis, tak boleh tengok dan sebagainya. Ini jahil dan ekstrem namanya.	
	Perbincangan.	Baik Islam baik bukan Islam, maknanya kalau kita berbincang boleh berbincang.	M1
		Keharmonian tak boleh dicari antara agama. Tidak, memang tidak boleh kerana agama itu suatu sistem yang telah sempurna “ <i>al yaum akmaltulakum ...ila akhir...</i> ” tapi dalam penganut dia boleh dan ajaran-ajaran yang tidak ditentukan secara khususnya masih boleh bincang.	M1
		Ada ayat Al-quran yang menyebut “ <i>lakum di nukum waliyyadin</i> ”. Maka dalam hal agama bersih dan <i>no compromise</i> . Tapi ini tidak menghalang kita dari berinteraksi dengan yang lain.	M4
	Laksanakan	Kita bercakap	M1

	ajaran baik dalam agama	benar, kita hormat orang, kita tidak menyakiti orang, kita tidak boleh mengkhianati orang, kita tak boleh memandang rendah pada orang, kita tak boleh memfitnah orang, kita tak boleh jijik pada orang tanpa sebab dan sebagainya. Jadi itu kalau dibiasakan maka dia akan hormat-menghormati dengan sendiri	
	Jangan campur hal agama lain	Kita cerita hak agama kita sahaja tidak perlu cerita agama orang lain.	M2
Batasan Keharmonian	Tidak boleh keharmonian antara agama	Keharmonian tak boleh dicari antara agama. Tidak, memang tidak boleh kerana agama itu suatu sistem yang telah sempurna “ <i>al yaum akmaltu lakum ...ila akhir...</i> ” tapi dalam penganut dia boleh dan ajaran-ajaran yang tidak ditentukan secara khususnya masih boleh bincang.	M1

	<p>Keharmonian dalam hal yang tidak menyentuh aqidah</p>	<p>Sudah ada asas sejak zaman Rasulullah saw sendiri walaupun dari aspek-aspek tertentu.. yang penting sekali dalam aspek budaya dan amalan tradisi yang tidak menyentuh aqidah itu sememangnya dibolehkan</p> <p>Asas bagi perkara ini adalah sosial. Jadi Badan Belia kita pun ada, apa salah kita pergi gotong-royong di gereja atau melawat temple. Bagi saya itu perkara yang tiada halangan apa-apa dari sudut syarak. Ia ritual, sosial untuk keharmonian,</p>	<p>M1.M2, M3, M4,M5,</p> <p>M4</p>
--	--	---	------------------------------------

Sumber: Data Temu bual Informan Muslim

Kesediaan Islam untuk hidup harmoni khususnya bersama Yahudi dan Kristian dilihat terbukti dalam konteks persejarahan. Islam memberikan status istimewa kepada kedua agama ini berasaskan beberapa perkara iaitu; Pertama: kedua-duanya adalah agama wahyu yang diturunkan oleh Allah kepada para anbiya’ terpilih dan antaranya adalah Nabi Ibrahim, Nabi Musa, Nabi Daud, Nabi Isa merupakan nabi Allah dan kitab suci yang dikurniakan Allah iaitu Taurat, Zabur, Injil adalah wahyu Allah.

Percaya kepada wahyu-wahyu ini terkandung di dalam ajaran Islam dari mula risalah tauhid diturunkan kepada Nabi Adam sehingga Islam yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW. Al-Quran menegaskan bahawa barang siapa yang bersikap taasub dan monopoli nabi-nabi tertentu dengan dakwaan eksklusif bahawa nabi tersebut hanyalah milik kaum mereka, maka dakwaan eksklusif itu adalah sia-sia dan batil kerana Allah menjelaskan bahawa semua nabi membawa agama yang sama dan satu; risalah tauhid yang satu dan sama. Hal ini dijelaskan dalam firman Allah:

قُلْ ءَامَنَّا بِاللَّهِ وَمَا أُنزِلَ عَلَيْنَا وَمَا أُنزِلَ عَلَىٰ إِبْرَاهِيمَ  
وَإِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ وَالْأَسْبَاطِ وَمَا أُوتِيَ  
مُوسَىٰ وَعِيسَىٰ وَالنَّبِيِّونَ مِن رَّبِّهِمْ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ  
أَحَدٍ مِّنْهُمْ وَنَحْنُ لَهُ مُسْلِمُونَ ﴿١٤٤﴾

Maksud: Katakanlah (wahai Muhammad): "Kami beriman kepada Allah, dan kepada apa yang telah diturunkan kepada kami, dan kepada apa yang telah diturunkan kepada nabi-nabi: Ibrahim, dan Ismail, dan Ishak, dan Ya'kub, dan keturunannya, dan kepada apa yang telah diberikan kepada nabi-nabi: Musa dan Isa, dan sekalian nabi-nabi dari Tuhan mereka. Kami tidak membeza-bezakan seseorang pun di antara mereka, dan kepada Allah jualah Kami berserah diri (Islam)".

Ali-`Imran 3:84

Serta penjelasan kesatuan semua wahyu dari Allah seperti dalam firman Allah:

﴿ إِنَّا أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ كَمَا أَوْحَيْنَا إِلَى نُوحٍ وَالنَّبِيِّينَ مِنْ  
بَعْدِهِ ۗ وَأَوْحَيْنَا إِلَىٰ إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَاقَ  
وَيَعْقُوبَ وَالْأَسْبَاطِ وَعِيسَىٰ وَأَيُّوبَ وَيُونُسَ وَهَارُونَ  
وَسُلَيْمَانَ ۚ وَآتَيْنَا دَاوُدَ زَبُورًا ﴿١٦٦﴾

Maksud: Sesungguhnya Kami telah memberikan wahyu kepada kamu (wahai Muhammad), sebagaimana Kami telah memberikan wahyu kepada Nabi Nuh, dan nabi-nabi yang diutus kemudian daripadanya; dan Kami juga telah memberikan wahyu kepada Nabi Ibrahim, dan Nabi Ismail, dan Nabi Ishak, dan Nabi Ya'kub, serta nabi-nabi keturunannya, dan Nabi Isa, dan Nabi Ayub, dan Nabi Yunus, dan Nabi Harun, dan Nabi Sulaiman; dan juga Kami telah memberikan kepada Nabi Daud: Kitab Zabur.

Al-Nisa' 4:163

Firman Allah:

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ ﴿١٦٦﴾ نَزَلَ عَلَيْكَ  
الْكِتَابَ بِالْحَقِّ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ وَأَنْزَلَ التَّوْرَةَ  
وَالْإِنْجِيلَ ﴿١٦٧﴾ مِنْ قَبْلُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَأَنْزَلَ الْفُرْقَانَ  
﴿١٦٨﴾ إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا بِعَايَتِ اللَّهِ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ ۗ وَاللَّهُ  
عَزِيزٌ ذُو انتِقَامٍ ﴿١٦٩﴾

Maksud: Allah tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang tetap hidup, Yang kekal selama-lamanya mentadbirkan sekalian makhluk-Nya. Ia menurunkan kepada mu (wahai Muhammad) kitab suci (al-Quran) Dengan mengandungi kebenaran, yang mengesahkan isi kitab-kitab suci yang telah diturunkan dahulu daripadanya, dan ia juga yang menurunkan kitab-kitab Taurat dan Injil. Sebelum (al-Quran diturunkan), menjadi petunjuk bagi umat manusia. dan ia juga yang menurunkan al-Furqan (yang membezakan antara yang benar dengan yang salah). Sesungguhnya individu yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah itu, bagi mereka azab seksa yang amat berat dan (ingatlah), Allah Maha Kuasa, lagi berhak membalas dengan azab seksa (kepada golongan yang bersalah).

Ali-`Imran 3:2-4

Berdasarkan ayat di atas, keharmonian antara kepelbagaian agama lebih terhasil dengan bersatu di bawah satu prinsip tauhid yang satu sebagaimana yang diwahyukan kepada Nabi Adam sehingga Nabi Muhammad SAW. Ini kerana ajaran tauhid bukan merujuk kepada mana-mana institusi agama yang khusus tetapi ia adalah inti pati ajaran Islam<sup>40</sup>.


Dalam konteks Kristian, secara umumnya kesediaan untuk hidup harmoni di sebalik kepelbagaian agama turut dianggap penting oleh informan Kristian. Hal ini

---

<sup>40</sup> Ajaran Nabi Ibrahim untuk semua ummah bukan untuk umat tertentu seperti dijelaskan juga dalam surah Ali Imran 3:65, al-Nisa 4:125. Hajj 22:78, Ali Imran 3:69 dan al-Baqarah 2:140. Ayat-ayat ini menjelaskan bahawa ajaran nabi Ibrahim disebut sebagai Islam "surrender of God" menjadi titik temu ajaran semua nabi dari Adam-Muhammad dan ajaran ini untuk semua umat manusia.

dijelaskan dalam pandangan informan Kristian yang mengharapkan agar hubungan toleransi agama dalam hubungan Muslim-Kristian berlangsung melebihi dari sekadar bertoleransi. Hal ini dijelaskan dalam rajah di bawah:

**Rajah 2:** *Network View* pandangan informan Kristian Malaysia terhadap keperluan hidup harmoni



Sumber: Analisis Data Temu bual

Berdasarkan rajah di atas, kajian mendapati bahawa antara tema utama yang dilihat menandakan kesediaan mereka adalah wujudnya cadangan pelaksanaan seperti meraikan persamaan, hormat (*celebrate*) dan menerima seperti yang dibincangkan terdahulu daripada ini. Malah informan Kristian juga meminta agar didengar suara (*give concerns*) kehendak dan pandangan mereka sebagai satu cara untuk membina keharmonian antara hubungan Muslim dan Kristian di Malaysia. Kajian mendapati para informan memperlihatkan kesediaan untuk berharmoni seperti yang dijelaskan dalam jadual berikut:

**Jadual 3:** Pandangan Informan Kristian untuk hidup harmoni dalam kepelbagaian agama di Malaysia.

<b>Isu</b>	<b>Tema</b>	<b>Huraian</b>	<b>Kod Informan</b>
Harmoni dalam kepelbagaian	Meraikan Keperbagaian (Celebrate)	Every religion has good. So we were have to celebrate what is good. And bring that one. Whether is truthful or not truthful. I dont know.	K1
	Mencari kebaikan bersama.	No body right and wrong in this moment. Do Good.	K1.K5
		Let different be different but so many similarities we can work on.	K2.K5
		Tak payah cari perbezaan kita ada banyak perbezaan. Dalam agama sendiri juga ada perbezaan. Jadi kalau kita mula dengan perbezaan kita, tidak akan selesai sampai kiamat pun.	K2
		To highlight the communality of the good. Try not to say so much about bad or negative of difference religion.	K3,K4
	Hormat	You are human being. I am human being. We are temporary here only and created by god. Whatever you call him and whoever is, we start in same	K2



		footing. So we respect each other because we are same there is no difference between us.	
	Menerima agama lain ( <i>Acceptance</i> )	Acceptance is the one thing we all human being and then we all to say, we are all trying to follow a path. A path that is given to us dari the prophet Muhammad atau prophet Jesus, whatever, so we are tend to follow the path. .	K2

Sumber: Temu bual informan Kristian Malaysia

Berdasarkan penjelasan di atas menunjukkan bahawa tuntutan dan cadangan pelaksanaan untuk hidup harmoni daripada para responden atau informan Kristian adalah selaras dengan ajaran dan tuntutan dalam ajaran Kristian. Secara asasnya tuntutan keharmonian adalah selaras dengan tuntutan toleransi yang bertitik tolak daripada konsep *love* sepertimana ajaran Jesus yang menekankan agar mencintai individu biarpun ia musuh dan pengkhianat:

*But I say to you, love your enemies, bless those who curse you, do good to those who hate you, and pray for those who spitefully use you and persecute you.*<sup>41</sup>

Maksud: Tetapi Aku berkata kepada mu, kasihi lah mereka yang menyeterui kamu dan doakan lah orang-orang yang menganiaya kamu.

---


<sup>41</sup> International Bible Society, *The Holy Bible New International Version Containing The Old Testament and The New Testament; Gospel Matthew 5:44, 553-554; Lihat juga Gospel Luke 6:28, 589.*

*But I say to you who hear: Love your enemies,  
do good to those who hate you.*<sup>42</sup>

Maksud: Tetapi kepada kamu yang mendengarkan kata-kata-Ku, Aku berkata: Kasihi lah orang yang menyeterui kamu dan berbuat lah baik kepada orang yang membenci kamu.

Berdasarkan perbincangan di atas, kajian mendapati bahawa informan Islam dan informan Kristian Malaysia menjelaskan fenomena toleransi agama dalam erti kata mengiktiraf kepelbagaian agama dan bersedia untuk hidup harmoni dalam kepelbagaian agama. Dapatan ini diringkaskan dalam kerangka di bawah:

Rajah 3: Kerangka Konseptual Toleransi Agama dalam hubungan Muslim-Kristian Malaysia (Sumber: Pengkaji)



<sup>42</sup> *Luke 6:27*

## **Kesimpulan**

Perbincangan di atas telah memperlihatkan bahawa toleransi agama merupakan satu keperluan di Malaysia. Toleransi ini bertujuan untuk meraikan kepelbagaian agama yang diiktiraf. Pengiktirafan kepelbagaian ini bukan sahaja dalam konteks Malaysia malah ia adalah ajaran asas dalam agama Islam dan Kristian. Ini bermaksud, agama Islam dan Kristian menerima wujudnya perbezaan antara agama yang membawa kepada perbezaan kebenaran agama. Dalam menunaikan tuntutan ajaran agama, ternyata bahawa penganut Islam dan Kristian termasuk para pemimpin agama bersedia untuk melaksanakan hubungan baik dan hormat-menghormati. Malah pemimpin agama Muslim dan Kristian dan penganut agama juga bersetuju dan optimis bahawa dengan mematuhi ajaran agama masing-masing akan mencetuskan dan menghasilkan keharmonian di Malaysia.

Justeru, dalam membentuk pelaksanaan toleransi ini, Muslim yang baik dan Kristian yang baik merupakan pelaksana toleransi yang sempurna. Dalam erti kata lain, aplikasi toleransi agama tidak menghalang setiap ajaran agama daripada menyampaikan kebenaran. Bahkan ia adalah limitasi dalam toleransi. Justeru kajian mencadangkan agar penjelasan limitasi antara toleransi dan dakwah perlu direncami dengan lebih rinci bagi melihat pelaksanaan toleransi agama yang berjaya di Malaysia.

## **Rujukan**

- AlKitab Sabda, dicapai pada 13 Mei 2013,  
<http://sabda.org/>
- Azman Amin bin Hassan, "Isu-Isu Agama di Malaysia" dalam Persidangan Meja Bulat Dialog Antara Agama, 24 Mei 2012.
- Berchemen, Robert, M. "Greco Roman Paganisma: The Political Foundation of Tolerance in the Greco Roman Period. Dalam *Religious Tolerance in World Religions*,

- ed. Jacob Neuser & Bruce Hilton. Pennsylvania: Templeton Foundation Press, 2008.
- Hamka. *Tafsir al-Azhar*, j.7. Jakarta: Pustaka Panji Mas, 1983.
- Hart, C. *Doing a Literature Review the Social Science Research Imagination*. London: SAGE Publication, 1998.
- Ibrahim Che Noh, Pembentukan Perpaduan Masyarakat Malaysia melalui Piagam Madinah dan al-Quran dan Sunnah" (Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Jabatan Al-Quran dan Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001).
- International Bible Society, *The Holy Bible: New International Version Containing the Old Testament and the New Testament*. Grand Rapids, Michigan: The Zondervan Corporation, 2009.
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, "Garis Panduan Rumah Ibadah," dicapai p15 Oktober 2015, <http://www.townplan.gov.my/>.
- Jayaram, V., "Hinduism and Religion Tolerance," dicapai pada 15 Mei 2013, [http://www.hinduwebsite.com/hinduism/h\\_tolerance.asp](http://www.hinduwebsite.com/hinduism/h_tolerance.asp).
- Jayatillake, K.N, "The Buddhist Attitude to Other Religions" dicapai 12 Mei 2013, <http://www.buddhanet.net/e-learning/dharmadata/fdd50.htm>.
- Kalin, Ibrahim. "Sources of Tolerance and Intolerance in Islam." Dalam *Religious Tolerance in World Religions*, ed. Neuser, Jacob & Hilton, Bruce. Pennsylvania: Templeton Foudation Press, 2008.
- Kamus Dewan Edisi 4*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.
- King James Bible, <https://www.bible.com>.

- Menski. W, "Hinduism." Dalam *Ethical Issues in Six Religious Traditions*, ed. Morgan. P & Lawton, C.A, ed.2. Edinburgh: Edinburgh University Press Ltd, 2007.
- Merriem, S. B. *Qualitative Research and Case Study Application in Education*, 2ed. San Francisco: Jossey Bass, 1998.
- Al-Munazzah al-‘Arabīyyah li al-Tarbīyyah wa al-Thaqāfah wa al-‘Ulūm. *Mu’jam al-‘Arabi al-Asāsi*. Tunisia: Larus, t.th.
- Nessbit, E. "Sikhism." Dalam *Ethical Issues in Six Religious Traditions*, ed. Morgan. P & Lawton, C.A, ed.2. Edinburgh: Edinburgh University Press Ltd, 2007.
- Patton, M. Q. *Qualitative Evaluation and Research Methods*. London: SAGE Publications, 1990.
- Al-Qaradawi, Yusuf. *Golongan Bukan Islam dalam Masyarakat Islam*, terj. Asril Ibrahim. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, 1999.
- Singh, I. J. "Tolerance in Religion How Sikhism Views Other Religions," dicapai 13 Mei 2013, <http://www.sikhreview.org/pdf/december2003/pdf-files/pers1.pdf>.
- William Reiser, S. J. "Roman Catholic Understanding of Religious Tolerance in Modern Times: The Second Vatican Council (Vatican II)." Dalam *Religious Tolerance in World Religions*, ed. Neuser, Jacob & Hilton, Bruce. Pennsylvania: Templeton Foudation Press, 2008.

## **Temubual**

Informan–Informan Muslim dan Kristian Malaysia yang dipilih dalam kajian ini ialah wakil pemimpin agama Islam yang terdiri dari wakil Ahli Majlis Fatwa Kebangsaan (M1), Pulau Pinang (M2), Sabah (M3), Melaka (M4), Selangor (M5). Manakala wakil pemimpin agama Kristian dipilih mengikut cadangan dari Christian Federation Malaysia. Bagi Kristian

Katolik, responden kajian dipilih dari ahli Jawatankuasa Tertinggi Gereja (K1), manakala bagi Protestan, kajian merujuk kepada seminari teologi di semenanjung Malaysia yang mewakili paderi dari pelbagai denominasi (K2), (K3), (K4), dan (K5).

En. Yong Kun Hing, (Urusetia Jawatankuasa Mempromosikan Keharmonian Antara Penganut Agama Malaysia (JKMPKA) Jabatan Perpaduan Negara) dalam temu bual dengan penulis pada 2 Julai 2012 di Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional, Putrajaya.

En. Zulkifli Hashim (Penolong Pengarah, Unit Perpaduan, Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional Malaysia) dalam temu bual dengan penulis, 23 Mei 2013 di Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional, Putrajaya).